

Dr Amir Hamzah (kanan) dan Dr Intan Halimah pada majlis pelancaran Inisiatif penting ke Arah Negara Bebas Alahan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

# Launching Ceremoni 12 January 2016

## ALLERGY FREE NATION

» MSAI, penyelidik UPM kaji tahap kesedaran orang ramai untuk cegah alergi

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**P**ersatuan Alergi dan Imunologi Malaysia (MSAI) melancarkan kaji selidik pertama di negara ini berkaitan Kesedaran Terhadap Alahan di Malaysia.

Penyelidikan berlangsung selama tiga setengah bulan bermula Disember lalu dijalankan dengan kerjasama sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) bertujuan mengubah landskap alahan dengan menjadikan Negara Bebas Alahan.

Ketua Penyiasat Kaji Selidik, Prof Dr Intan Hakimah Ismail, berkata kaji selidik berkenaan menyasarkan 10,000 responden berusia 22 hingga 40 tahun termasuk lelaki dan wanita untuk menilai hubungan mereka dengan alahan di peringkat individu.

"Kaji selidik ini dijalankan di lebih 250 klinik pediatrik dan pakar sakit puan seluruh negara, 40 pusat perkembangan dan kanak-kanak di sekitar Lembah Klang.

"Soal selidik boleh disertai secara dalam talian di laman sesawang MSAI, [www.Allergy-FreeNation.com](http://www.Allergy-FreeNation.com)," katanya pada Pelancaran Inisiatif Penting Ke Arah Negara Bebas Alahan, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, Presiden MSAI, Dr Amir Hamzah Abdul Latiff.

### Tingkat kesedaran mengenai serangan

Dr Intan berkata, data yang dikumpul akan dianalisis oleh pasukan pengkaji di UPM di bawah bimbingan Dr Intan Halimah dan hasil

kaji selidik dijangka akan diumumkan oleh MSAI pada Minggu Alahan Sedunia yang berlangsung pada 4 hingga 10 April 2016.

Katanya, kajian itu juga bermatlamat mengetahui tahap kesedaran orang ramai terutama ibu bapa mengenai penyakit alahan kerana mereka memainkan peranan penting untuk mencegah penyakit berkenaan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 300 juta orang menghidap sekurang-kurangnya satu alahan di seluruh dunia.

Asma adalah alahan kronik kanak-kanak paling lazim ditemui dengan tujuh juta dalam kalangan mereka terjejas akibat penyakit itu.

Di benua Asia sahaja, peningkatan penyakit berpunca daripada alahan adalah sangat signifikan sejak sepuluh tahun lalu dengan peningkatan kes asma daripada 0.8 peratus kepada 29.1 peratus.

### Empat dalam lima kanak-kanak berisiko

Di Malaysia, dianggarkan seramai empat dalam setiap lima kanak-kanak berisiko menghidap alahan apabila ibu bapa mereka didapati menghidap alahan.

Alahan kini semakin berleluasa hingga ke tahap epidemik kerana tiada penawar.

Kes alahan resdung meningkat daripada lima peratus kepada 45 peratus dalam jangka masa sama dan dijangka terus meningkat.

Sementara itu, Dr Amir Hamzah berkata, isu alahan sukar ditangani di negara ini kerana kekurangan data bagi memastikan tahap kesedaran masyarakat mengenai isu ini.



**ALAHAN ADALAH KECELARUAN PENGATURCARAAN SISTEM IMUN YANG BOLEH MENDATANGKAN KESAN BURUK"**

Amir Hamzah Abdul Latiff,  
Presiden MSAI



**KAJI SELIDIK INI DIJALANKAN DI LEBIH 250 KLINIK PEDIATRIK DAN PAKAR SAKIT PUAN SELURUH NEGARA, 40 PUSAT PERKEMBANGAN KANAK-KANAK DI LEMBAH KLANG"**

Intan Hakimah Ismail  
Ketua Penyiasat Kaji Selidik

### Sistem imun celaru

"Dilema ini kemudiannya mengakibatkan orang ramai tidak mengetahui mengenai alahan sehinggalah seseorang yang terdekat dengan mereka seperti anak atau ahli keluarga menderita disebabkan alahan.

"Alahan adalah kecelaruan pengaturcaraan sistem imun yang boleh mendatangkan kesan buruk," katanya.

Dr Amir berkata, fasa kedua kaji selidik, MSAI akan

membangunkan Pelan Tindakan Alahan Malaysia.

"Pelan itu akan memperkuasakan MSAI, UPM dan pengamal perubatan profesional di seluruh negara untuk mengurangkan kos rawatan berkaitan pengurusan alahan.

"Program khas juga akan dibangunkan di dalam komuniti masing-masing bagi menguruskan pencegahan dan seterusnya memperbaiki kualiti kehidupan ratusan ribu rakyat Malaysia," katanya.

# Sasar negara bebas alahan

